CERAMAH UMUM
JAWATANKUASA TETAP BAHASA MELAYU

BAHASA KEBANGSAAN DALAM PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA: ISU DAN CABARAN DI SARAWAK

Adi Badiozaman Tuah

13 Oktober 2015

1. PENGENALAN

Sebagai salah satu daripada usaha untuk mengangkat martabat sesebuah bangsa dan negara, di samping memberi identiti tersendiri di pentas dunia, sesebuah negara yang sudah merdeka selalunya memilih satu atau dua bahasa untuk dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negaranya. Pemilihan dan penetapan bahasa bagi tujuan tersebut bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan bagi negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang bangsa dan bahasa, atau negara yang pernah terjajah dan sebelumnya menggunakan bahasa asing. Perkara ini pernah dihadapi oleh Persekutuan Tanah Melayu apabila mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Meskipun demikian, atas kesedaran sejarah dan sosio-politik Gugusan Pulau-Pulau Melayu atau rantau Nusantara, dan menyedari juga bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa perdagangan, bahasa rasmi, bahasa persuratan dan bahasa perhubungan antarabangsa sejak zaman Empayar Srivijaya pada abad ke-7 sehingga abad ke-19M, iaitu apabila bahasa Melayu menjadi lingua franca utama di rantau ini. Demi kelangsungan dan kepentingan pembangunan sosiobudaya masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu, bahasa Melayu telah dipilih dan ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan. Apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, ketetapan yang telah dibuat berhubung dengan bahasa kebangsaan itu terus diterima pakai hinggalah ke hari ini. Malah dalam beberapa kajian semula mengenai dasar dan sistem pendidikan negara sebelum dan selepas merdeka (Laporan Razak – 1956; Laporan Rahman Talib - 1960), bahasa kebangsaan telah diperakukan untuk dijadikan sebagai bahasa

pengantar utama di semua peringkat institusi pendidikan bagi menggantikan peranan yang sebelumnya dimainkan oleh bahasa Inggeris.

Berpandukan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal 152, dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967, dan juga Akta Pelajaran (1961) dan Akta Pendidikan (1996), bahasa Melayu bukan saja dijadikan bahasa kebangsaan, tetapi juga diperkukuh kedudukannya serta diperluaskan peranannya untuk juga menjadi bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. Secara umum dasar bahasa kebangsaan dapatlah dirumuskan seperti berikut:

a. bahasa kebangsaan Malaysia ialah Bahasa Melayu;
b. bahasa kebangsaan adalah juga Bahasa Rasmi;
c. bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan, dan diajar sebagai mata pelajaran wajib di sekolah jenis kebangsaan;
d. bahasa kebangsaan dijadikan bahasa pengantar utama (bahasa ilmu) di institusi pengajian tinggi awam; dan
e. bahasa kebangsaan digunakan sebagai bahasa pengantar di semua institusi pengajian tinggi swasta (meskipun demikian Menteri Pendidikan/Pelajaran/Pendidikan Tinggi diberi kuasa untuk membenarkan IPTS menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantarnya.

Dilihat dalam konteks ini, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang berperanan memberi identiti kenegaraan tidak menjadi persoalan kerana penerimaannya oleh masyarakat berbilang bangsa dan bahasa sudah tidak lagi menjadi masalah. Justeru, saya berpandangan bahawa perbincangan tidak perlu lagi berkisar kepada hal-hal mengenai wajar tidaknya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan negara kita, tetapi harus memberi tumpuan kepada permasalahan yang berkisar di sekitar kefahaman mengenai peranan itu dan juga tentang bagaimana kefahaman mengenai peranan itu diterjemahkan ke dalam tindakan-tindakan yang boleh membantu pembinaan dan pembangunan negara.

Apa yang lebih mendesak untuk difikir dan dibincangkan bersama mengenai masa depan, isu dan cabaran bahasa kebangsaan dalam konteks pembinaan dan pembangunan negara amnya dan negeri Sarawak khasnya, adalah persoalan berhubung rapat dengan kefahaman mengenai ruang dan peluang yang telah disediakan kepada bahasa kebangsaan untuk menjadi alat dan jentera utama dalam proses pembinaan dan pembangunan negara, persoalan mengenai pengisian peluang dan peranan itu dalam konteks persekitaran sosiobudaya, politik, ekonomi dan

teknologi yang sudah banyak dan akan terus berubah; dan juga persoalan mengenai kemampuan atau keupayaan bahasa itu berperanan menjadi media kebahasaan yang berkesan untuk menangani perubahan-perubahan serta memenuhi tuntutan-tuntutan tersebut.

Berpandukan fahaman ini, ceramah umum ini saya bahagikan kepada tiga bahagian utama berikut:

a. Peranan bahasa kebangsaan dalam pembinaan dan pembangunan negara;
b. Memperkasakan bahasa kebangsaan dalam merealisasikan agenda pembangunan bangsa Malaysia; dan
c. Cabaran mengupaya dan memperkasakan bahasa Melayu di Sarawak.

2. PERANAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

Secara umum saya berpandangan bahawa peranan bahasa kebangsaan dalam pembinaan negara boleh kita lihat dari dua sudut berikut: pertama, peranannya sebagai pembentuk atau petunjuk jati diri bangsa; dan kedua, peranannya sebagai alat atau jentera penjana tamadun atau pemangkin kemajuan warga sesebuah negara.

Dilihat dari sudut yang pertama, selari dengan konsep negara-bangsa, bahasa kebangsaan adalah unsur budaya utama yang menjadi pengikat dan pemberi identiti kepada warga dan rakyat negara tersebut. Sebagai pembentuk dan petunjuk jati diri bangsa - *bahasa sebagai jiwa bangsa* – bahasa kebangsaan memberi wajah dan roh kepada bangsa sesebuah negara, dan melaluinya (penggunaan secara meluas oleh semua lapisan masyarakat dan rakyat) warga sesebuah negara itu mudah dikenali dan dapat dibezakan daripada warga negara-negara lain. Sebagai contoh, orang Melayu yang meskipun datang dari rumpun yang sama, akan dapat dibezakan kebangsaan dan kenegaraannya apabila mereka menutur bahasa kebangsaan masing-masing. Orang Melayu dari Selatan Thailand, Selatan Filipina, Sumatera Indonesia, Brunei dan Sri Lanka sebagai contoh, dapat kita kenal pasti dengan mudah kebangsaan dan kenegaraannya apabila mereka menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing. Demikian juga dengan orang Cina, Dayak atau India yang datang dari negara yang berbeza. Penuturan atau penggunaan bahasa kebangsaan negara masing-masing akan membolehkan mereka dikenali sebagai warga negara tertentu, meskipun mereka datang dari rumpun bangsa yang sama.

Melalui bahasa kebangsaannya itulah seseorang individu lebih mudah dikenali bangsa dan negaranya, dan melalui bahasa kebangsaan itu jugalah warga sesebuah negara dapat menampilkan diri mereka sebagai mewakili satu bangsa yang mempunyai identiti kenegaraan mereka sendiri. Bangsa yang tidak memiliki bahasa kebangsaannya sendiri bolehlah dianggap sebagai bangsa yang tidak mempunyai jiwa dan wajah kenegaraan atau kebangsaan. Oleh kerana bahasa kebangsaan berfungsi sebagai pembentuk jati diri dan pemberi wajah, roh, serta semangat kebangsaan atau kenegaraan tersebut, maka bahasa kebangsaan itu perlulah diberi kedudukan yang istimewa. Selain menjadi unsur pengikat utama budaya, bahasa kebangsaan juga berperanan penting dalam pembangkitan semangat kesepunyaan negara, dan manifestasi rasa taat setia atau patriotisme – keluar dari batas atau bingkai sempit sentimen **kedaerahan dan kesukuan. Sehubungan itu, bahasa kebangsaan boleh dilihat peranannya sebagai wahana sosiobudaya yang membolehkan terbina dan terpupuk rasa kekitaan dan rasa sepunya – rasa kenegaraan dan kebangsaan – di kalangan warga berbilang** bangsa dan bahasa, justeru memungkinkan juga jurang beza budaya antara mereka disempitkan.

Ditinjau dari sudut yang kedua pula, bahasa kebangsaan mempunyai peranan yang sama penting, iaitu sebagai jentera utama, pemangkin dan penggerak pembangunan negara serta penjana kelangsungan tamadun bangsa. Peranan ini tidak terbatas kepada lingkungan keperluan dalaman semata-mata tetapi harus juga merangkumi keperluan dan jangkaan yang global sifatnya, dan tidak pula terbatas kepada penghidupan dan kelangsungan aspek kebudayaan yang berunsur kesenian sahaja, tetapi merangkumi semua aspek dan bidang kehidupan – pentadbiran, politik, ekonomi, teknologi dan pendidikan.

Dilihat dari perspektif ini, bahasa kebangsaan mempunyai peranan dalam pembentukan peribadi, watak dan sikap warga sesebuah negara di samping peranannya dalam pembinaan dan peningkatan upaya bangsa. Bahasa kebangsaan dalam kata lain, berpotensi untuk membentuk sikap dan peribadi bangsa, dan juga mempunyai tanggungjawab yang sama penting dalam memungkinkan terbangunnya tradisi keilmuan dan penjanaan kecekapan serta kemahiran dalam kalangan warganya dalam pelbagai bidang kehidupan yang sesuai bagi menangani tuntutan persekitaran sosiopolitik, ekonomi dan pendidikan yang sentiasa berubah.

Tanggungjawab bahasa dalam membangun insan ini adalah satu dimensi peranan yang saya fikir perlu diberi penekanan pada masa kini. Persekitaran politik, sosiobudaya, ekonomi, sains dan teknologi yang cepat berubah, dan perkembangan serta ledakan ilmu pengetahuan yang pesat berlaku, di samping proses globalisasi yang semakin meluas, menuntut satu bentuk

kefahaman baru tentang peranan bahasa kebangsaan. Keruntuhan sempadan politik dan geografi; pengaliran mudah dan pantas maklumat, ilmu dan budaya; kebergantungan antara benua atau negara; dan, mobiliti manusia antara kawasan dan benua yang semakin mudah; adalah antara fenomena yang perlu difahami bagi membolehkan kita menempatkan konteks baru bagi peranan bahasa kebangsaan dalam pembangunan negara. Survival sosiobudaya, politik dan ekonomi sesebuah negara dalam perkampungan sejagat ini merupa satu perkara yang perlu difikirkan bersama, dan dalam konteks sedemikian, peranan serta sumbangan bahasa kebangsaan wajar dinilai secara kritis dan kreatif.

Dalam konteks ini, dua perkara pokok berikut wajar diberi perhatian:

a. pengupayaan bahasa kebangsaan untuk membentuk individu yang mulia, iaitu beradab budi, berwibawa dari segi peribadi, perwatakan dan jati diri; dan
b. pemerkasaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu untuk menjadi jentera utama dalam menjana ilmu pengetahuan dan melahir ilmuan atau cerdik pandai bagi membolehkan negara ini dan warganya berdaya saing di pentas dunia dalam semua aspek perkembangan dan pembangunan keinsanan, ilmu pengetahuan, kemahiran dan perkembangan bidang sains dan teknologi.

Dalam era globalisasi, bagi saya di sinilah letaknya cabaran besar yang perlu dihadapi oleh bahasa kebangsaan sesebuah negara, dan bahasa Melayu tidak terkecuali. Setelah menerima hakikat bahawa bahasa kebangsaan mempunyai peranan penting dalam pembentukan jati diri, perpaduan negara dan peningkatan keupayaan bangsa, usaha kita bersama, sama ada sebagai pendidik, ilmuwan, atau pejawat awam, hendaklah ditumpukan kepada usaha untuk memungkinkan bahasa kebangsaan memainkan peranan ini secara lebih berkesan dan berwibawa. Secara sedar kita hendaklah memikirkan secara kritis penyelesaian kepada permasalahan mengenai usaha untuk mengupaya dan memperkasakan bahasa kebangsaan agar dapat benar-benar berperanan secara berkesan dalam proses pembinaan negara bangsa dan pembangunan bangsa dan negara.

Seperti yang kita sedia maklum, bahasa kebangsaan telah disediakan ruang yang cukup luas untuk dapat memainkan peranan ini. Bahasa kebangsaan selain telah dijadikan bahasa rasmi, telah juga dipertanggungjawab sebagai bahasa ilmu. Berdasar peluang yang cukup meluas ini, maka saya berpendapat bahawa usaha yang perlu dilakukan sekarang ini ialah untuk

memaknakan sepenuhnya peluang-peluang dan ruang-ruang tersebut. Justeru, tumpuan bukan lagi kepada usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (kerana kedudukan dan peluang untuk berada dalam kedudukan yang bermartabat sudah terjamin), tetapi harus lebih tertumpu kepada usaha untuk mengupaya dan memperkasakan bahasa Melayu supaya mampu memainkan peranannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu, dan bahasa rasmi. Dua aspek penting yang perlu diberi keutamaan adalah: pertama, meningkatkan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa yang diguna pakai dalam semua keadaan oleh semua peringkat masyarakat; dan kedua, menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan penyebar ilmu pengetahuan – bahasa yang digunakan secara meluas untuk menjana ilmu dalam semua bidang kehidupan yang boleh kita sebar luaskan kepada dan dikongsikan dengan masyarakat antarabangsa.

3. MEMPERKASAKAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM MEREALISASIKAN AGENDA PEMBANGUNAN BANGSA MALAYSIA

Seperti yang disebut awal-awal tadi, cabaran utama yang perlu kita sedari bersama mengenai peranan bahasa kebangsaan dalam pembinaan negara sekarang ini ialah usaha pengisian secara bermakna peluang dan ruang yang sudah diterima untuk dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Konteks pengisian itu bagi saya hendaklah dikaitkan secara langsung dengan dasar dan wawasan negara, dan juga visi, misi serta fokus pemimpin-pemimpin negara. Selain itu, pengisian itu juga perlu difahami kewajarannya dalam konteks negara menangani dan menyahut cabaran baru yang dibawa bersama oleh fenomena globalisasi (yang kerap dikaitan dengan kesatuan dan keterbukaan ruang udara dunia; keruntuhan kuasa sempadan politik dan kedudukan geografi sesebuah negara; ledakan dan penyebaran ilmu pengetahuan dan pengaliran maklumat yang cepat melalui saluran yang beraneka seperti internet, media elektronik dan teknologi siber; peluasan interaksi sarwajagat yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik; dan persaingan yang amat terbuka).

Visi, misi dan harapan pemimpin negara yang kemudiannya dijadikan asas pembangunan dan penggubalan dasar dan pelaksanaan program pembangunan seperti Wawasan 2020, Misi Nasional, Dasar Pembangunan Negara, dan falsafah kepimpinan '*Satu Melaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*' hendaklah dijadikan panduan untuk menentukan bentuk dan hala tuju agenda pengisian dan pemaknaan peluang dan ruang 'permainan' bahasa kebangsaan di gelanggang kebangsaan dan dunia.

Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh YAB Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (disampaikan melalui ucapannya di majlis pelancaran penubuhan Majlis Perdagangan Melayu pada 28 Februari 1991, sebagai reaksi kepada fenomena baru globalisasi yang melanda juga negara ini), telah menggariskan sembilan (9) cabaran yang perlu tangani sekiranya Malaysia ingin menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Sembilan (9) cabaran yang meliputi aspek-aspek dalaman dan luaran bagi menentukan arah tujuan dan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar maju itu adalah:

- Membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu;
- Melahirkan sebuah masyarakat Melaysia yang bebas, teguh dan mempunyai keyakinan diri;
- Membangunkan masyarakat demokratis yang matang;
- Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh moral dan etikanya dan utuh nilai keagamaannya;
- Mewujudkan masyarakat yang matang dan bersifat toleran;
- Membentuk masyarakat yang bersifat saintifik serta progresif;
- Mewujudkan masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang;
- Menjamin pembentukan sebuah masyarakat yang adil ekonominya; dan
- Mewujudkan masyarakat yang makmur.

Lanjutan daripada Dasar Ekonomi Baru dan sebagai satu strategi utama untuk merealisasikan Wawasan 2020, pada 17 Jun 1991, Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Melayu (ketika itu) telah melancarkan pula Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) 1991-2000. RRJP-2 ini telah telah digubal berasaskan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menempatkan perpaduan negara sebagai matlamat terakhirnya kerana menyedari bahawa masyarakat yang bersatu padu adalah penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi secara berterusan. DPN telah menetapkan langkah dan strategi ke arah membolehkan Melaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi – iaitu dari segi keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan, dan kecemerlangan ekonomi. DPN bertujuan untuk mewujudkan satu corak pembangunan yang lebih seimbang yang merangkumi aspek-aspek kritikal seperti:

- Mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama;
- Memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor bagi mengoptimumkan pertumbuhan;
- Mengurang dan akhirnya menghapuskan ketidaksamaan sosial dan ekonomi negara untuk menggalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi dari pertumbuhan secara lebih adil dan saksama untuk semua rakyat Melayu;
- Menggalak dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi antara negeri dan antara kawasan bandar dan luar bandar;
- Membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara;
- Memajukan sumber manusia dan termasuk mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran yang perlu bagi menghadapi cabaran pembangunan industri melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjejaskan matlamat penyusunan semula masyarakat;
- Menjadikan sains dan teknologi sebagai satu teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi yang memerlukan usaha membangunkan keupayaan dan kebolehan dalam teknologi strategik dan berasaskan ilmu serta memajukan budaya sains dan teknologi dalam proses membangunkan satu ekonomi perindustrian yang moden; dan
- Memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi perhatian yang sewajarnya diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan ekologi supaya dalam jangka panjang bagi memastikan pembangunan negara dapat dikekalkan secara berterusan.

DPN mengandungi beberapa peralihan pendekatan dengan tujuan mengadakan satu dimensi baru dalam usaha pembangunan, terutamanya dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dimensi-dimensi baru DPN adalah seperti yang berikut:

- Memberi penekanan yang lebih kepada strategi pembasmian kemiskinan untuk tujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin (*hardcore poor*) di samping mengurangkan kemiskinan relatif.

- Menumpukan perhatian kepada pembangunan masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting ke arah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi;
- Meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat; dan
- Memberi lebih tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai dan etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama.

Beberapa pendekatan baru yang diambil dalam usaha melaksanakan DPN adalah seperti: hasil pencapaian yang berkualiti dan berkekalan; persaingan dalam pasaran antarabangsa; wawasan 2020; pembasmian kemiskinan; dan penyusunan semula masyarakat. Dalam kata lain, seperti juga DEB, DPN meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi bukan sahaja di kalangan kaum etnik tetapi juga di antara golongan kaya dan miskin dan antara wilayah. Ketidakseimbangan ekonomi ini dapat dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkukuhkan perpaduan negara.

Apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berucap untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (Bajet - 2007) di Dewan Rakyat pada 1 September 2007, (bajet pertama setelah pelancaran Rancangan Melaysia ke-9 yang telah memperkenalkan Misi Nasional), beliau menekankan semula tentang lima teras utama dasar pembangunan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang sebagai satu agenda tindakan untuk memacu pelaksanaan Misi Nasional ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Lima teras utama adalah: pertama, meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi; kedua, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk ‘minda kelas pertama’; ketiga, menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; keempat, meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan kelima, mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Antara teras utama Misi Nasional ialah untuk membolehkan sektor swasta menerajui semula pembangunan ekonomi negara, serta mempergiatkan lagi sumber penjanaan pertumbuhan baru berdasarkan dan bersandarkan teknologi dan pengetahuan. Transformasi ini dilakukan secara berterusan ke arah pembangunan ekonomi yang berpaksikan teknologi dan pengetahuan, dan kerana itu menuntut kepada tenaga kerja mahir atau modal insan yang berketrampilan, iaitu mempunyai kompetensi bersesuaian dengan keperluan industri di dalam dan di luar negara.

Apabila mengambil alih pucuk kepimpinan Negara pada tanggal 3 April 2009, sebagai Perdana Menteri Melaysia yang ke-6, YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pula telah memperkenalkan konsep **1Malaysia** sebagai teras pentadbirannya. Semasa menjawab beberapa soalan dalam parlimen mengenai perkara ini beliau menekankan bahawa gagasan ini:

> "… adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Melayu yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Melayu. Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Melayu. Makanya, 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang menjadi prasyarat bagi memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika "Bangsa Melaysia" adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan ke arah matlamat itu. Pengertian ini adalah bertunjangkan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangka masa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyat nya bersatu padu."

Ditekankan juga bahawa:

> "Formula 1Malaysia digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama. Aspek pertama ialah penerapan **teras-teras perpaduan** manakala aspek kedua adalah penerapan **nilai-nilai aspirasi.**
>
> Teras-teras perpaduan adalah tiga perkara … pertama, sikap **"penerimaan"** antara semua kaum dan rakyat Malaysia; kedua, **prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**; dan ketiga adalah **keadilan sosial**. Teras-teras Perpaduan ini pula didokongi oleh nilai-nilai murni yang perlu menjadi sebahagian dari budaya hidup rakyat Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat menghormati, tawadhuk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tutur kata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.
>
> Aspek kedua formula 1Malaysia pula menekankan elemen-elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi pemupukan dan amalan budaya kecemerlangan dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab; Budaya ketepatan dari segi menghormati waktu dan meningkatkan kecekapan; keberanian untuk berinovasi dan meneroka peluang-peluang baru; meritokrasi dalam memberikan tugasan kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan undang-undang dan dasar negara; kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanah air tercinta; ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang dan integriti dalam segala

urusan dan transaksi. Pembudayaan nilai-nilai aspirasi ini akan menyerlahkan masyarakat Melayu yang berwibawa, dihormati dan disegani, bersesuaian dengan identiti sebuah negara bangsa yang maju dan berjaya."

Bagi saya perbincangan mengenai pengisian peluang dan ruang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu perlu dikaitkan secara langsung dengan aspirasi, visi dan misi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Kita tidak boleh lari daripada mendepani soalan-soalan seperti berikut:

- Mampukah bahasa Melayu menjana ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi seperti yang mampu dilakukan oleh bahasa-bahasa yang sudah maju seperti bahasa Inggeris?
- Mampukah bahasa Melayu berperanan sebagai *lingua franca*, bahasa perhubungan utama di peringkat global, sesuai dengan kehadiran syarikat multinasional yang semakin banyak di dalam dan di luar Negara?
- Mampukah bahasa Melayu mengambil alih peranan yang sekarang ini dimainkan oleh bahas Inggeris di kalangan pihak bukan kerajaan (swasta)?
- Mampukah bahasa Melayu menjadi bahasa akademik (ilmiah) yang digunakan dan diterima dalam dunia penyelidikan dan pembangunan antarabangsa?

Selain aspek kemampuan bahasa kebangsaan kita untuk memainkan peranan yang semakin mencabar, besar dan berat dalam era globalisasi dan zaman yang sedang menyaksi perubahan pesat berlaku, kita juga berdepan dengan sikap dan kebiasaan ahli masyarakat untuk selalu memandang rendah kepada sesuatu yang setempat dan *local* sifatnya. Bahasa Melayu tidak terkecuali daripada menghadapi masalah seperti ini. Kesediaan dan kesudian untuk menggunakan bahasa kebangsaan dalam kalangan warganegara Malaysia sendiri (sama ada kerana penuturnya tidak atau kurang menguasai bahasa kebangsaan atau sengaja memandang sepi kepada bahasa itu sendiri) masih menjadi salah satu faktor penentu kepada kemungkinan bahasa kebangsaan menjadi bahasa penyatu atau bahasa perpaduan yang popular (meskipun sudah ditempatkan pada kedudukan yang sewajarnya).

Sehubungan ini pemupukan rasa cintakan bahasa kebangsaan adalah penting dilakukan secara sedar. Di peringkat alam persekolahan dan di kalangan para pelajar penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu hendaklah tidak dibataskan kepada keperluan untuk lulus peperiksaan dan memperoleh sijil semata-mata. Penguasaan dan penggunaan bahasa kebangsaan perlu dijadikan satu tanggungjawab sosiobudaya yang perlu diamalkan demi

kelangsungan pembentukan sebuah negara bangsa yang bersatu padu, dan bangsa yang bermaruah dan berjati diri. Demikian juga dalam kalangan para pemimpin di semua peringkat. Keprihatinan kita tidak harus hanya diberi kepada kerisauan mengenai rendahnya aras dan tahap penguasaan bahasa asing (demi survival peringkat global semata-mata), tetapi perlu pertama-tamanya ditumpukan kepada keresahan kita kerana rendahnya mutu penguasaan dan kualiti penggunaan bahasa kebangsaan itu sendiri di kalangan warga negara Malaysia.

Justeru, saya perpandangan bahawa tiga pendekatan utama yang perlu dilakukan untuk memungkinkan bahasa Melayu berperanan secara berkesan dan berwibawa, sama ada di pentas kebangsaan atau antarabangsa, adalah:

a. meningkatkan keupayaan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa pilihan utama dan pertama dalam semua bidang kehidupan;
b. menjadikan bahasa Melayu bahasa ilmu dan bahasa pembangunan serta perkembangan intelek yang digunakan untuk menyampai dan menjana ilmu pengetahuan dalam apa juga bidang ilmu pengetahuan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat global; dan
c. pembentukan dan pemupukan sikap positif dan rasa cintakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang boleh menyatupadukan masyarakat berbilang bangsa dan bahasa di samping berperanan memberi jati diri kepada warganegara Malaysia dalam perkampungan sejagat.

Sehubungan ini, saya berpandangan bahawa selain keupayaan bahasa Melayu itu sendiri, sama penting untuk dimantapkan lagi adalah keupayaan dan kecekapan warga Malaysia sendiri menguasai dan menggunakan bahasa kebangsaan dalam semua situasi dan keadaan – sosial, rasmi atau ilmiah. Sebagai contoh, pencapaian taraf keintelektualan bahasa Melayu akan menjadi lebih nyata apabila bahasa itu digunakan sebagai bahasa ilmiah untuk mengungkap dan menzahirkan idea, gagasan, pemikiran dan ilmu pengetahuan baru. Malah saya yakin dan percaya bahasa Melayu akan mudah diterima oleh komuniti antarabangsa sekiranya bahasa kebangsaan kita itu digunakan sebagai bahasa penjana utama ilmu pengetahuan, penemuan-penemuan dan pemikiran baru. Di sini adalah ruang dan peluang yang amat luas untuk dimanfaatkan oleh para akademia dan para intelek Melayu.

Bagi memungkinkan peluang dan kedudukan yang telah kita beri kepada bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) itu benar-benar bermakna dan berkewibawaan, bahasa Melayu hendaklah digunakan secara meluas dalam semua keadaan dan dalam semua bidang kehidupan. Selain itu

bahasa yang digunakan itu hendaklah bahasa yang bermutu tinggi yang mampu menggambarkan keupayaan dan kejituan bahasa kebangsaan kita sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa dunia. Sesiapa saja yang menjadi pengguna dan penutur bahasa Melayu amnya, dan warga negara Malaysia sendiri khususnya, hendaklah mengambil berat tentang penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu yang betul, tepat dan berkualiti tinggi.

Dalam konteks ini, saya berpendirian bahawa ilmu pengetahuan mengenai sejarah perkembangan dan pembangunan bahasa kebangsaan, penguasaan dan kecekapan berbahasa dalam bahasa kebangsaan, dan penampilan serta manifestasi sikap positif terhadap bahasa kebangsaan itu sendiri adalah faktor penting yang boleh menjadi penentu utama keberkesanan bahasa Melayu merealisasikan peranan-peranannya dalam pembinaan dan pembangunan negara.

4. CABARAN MENGUPAYA DAN MEMPERKASAKAN BAHASA MELAYU DI SARAWAK

Dalam usaha kita untuk membina sebuah tamadun dan negara bangsa bersandarkan dan melalui bahasa Melayu, dan menjadikannya salah satu bahasa utama dunia, kita sekarang berdepan juga dengan pengaruh kuat serta menyeluruh budaya dan bahasa asing yang jauh lebih kukuh kedudukannya sebagai bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa. Bahasa Inggeris yang telah digunakan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah dan sebagai salah satu daripada dua bahasa rasmi negeri Sarawak dalam zaman pemerintahan koloni dan awal penubuhan Malaysia sebagai contoh, adalah bahasa yang lebih banyak digunakan secara meluas dalam dunia TMK dan urusan dagang antarabangsa. Justeru nilai ekonomi bahasa tersebut semakin meningkat.

Secara langsung bahasa Melayu berhadapan dengan masalah yang bukan sahaja bersifat global tetapi juga setempat. Dengan meluasnya pelaburan asing dalam negara dan dengan tertubuhnya syarkiat-syarikat antarabangsa di negari ini, penguasaan dan penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris semakin diperlukan, bukan saja untuk berhubung dengan sesama klien tetapi juga untuk memudahkan peluang mendapat pekerjaan. Hal seperti ini sedikit sebanyak telah menghambat perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu dalam sektor-sektor yang nilai ekonominya tinggi. Di Sarawak, keadaan sebegini secara langsung telah mempengaruhi sikap serta persepsi penduduk negeri ini terhadap kemampuan serta peranan bahasa Melayu dalam menjamin kelangsungan pembangunan ekonomi. Penduduk negeri ini yang mempunyai pandangan negatif terhadap bahasa kebangsaan turut beranggapan bahawa

bahasa Melayu itu bukan saja kurang nilai ekonominya dalam pasaran global tetapi juga kurang upayanya untuk menjadi bahasa ilmu dan bahasa perhubungan antarabangsa.

Keraguan ini ada relevannya apabila perancangan pembangunan ekonomi negeri Sarawak ke arah menjadikannya sebuah negeri termaju di Malaysia menjelang 2030 berteraskan pembangunan industri berat, bergantung kepada penyertaan dan penglibatan pelaburan dan tenaga kerja negara asing. Keadaan ini menuntut penggunaan bahasa asing, terutamanya dalam perhubungan dengan pelbagai pihak negara luar, khususnya dalam urusan persuratan dan perbincangan rasmi. Amalan yang seakan meminggirkan bahasa kebangsaan dalam majlis-majlis atau urusan rasmi, dan didokong pula oleh beberapa dasar atau pandangan-pandangan politik yang tidak selari dengan Dasar Bahasa Kebangsaan, turut mengukuhkan lagi andaian bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai tempat dalam agenda pembangunan ekonomi Sarawak. Demikian juga keperluan tenaga kerja yang bukan sahaja memerlukan mereka menguasai kemahiran teknikal yang khusus dan sesuai dengan sektor perindustrian yang berkenaan, tetapi keperluan menguasai bahasa asing bagi memudahkan komunikasi seharian di tempat kerja. Keadaan ini turut menempatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan kedua.

Pada pagi ini saya tidak berhasrat untuk merungkai permasalahan ini secara rinci, mengenai sebab dan akibatnya, atau tentang punca dan kesannya secara mendalam, tetapi memadai saya fikir untuk menyatakan secara umum bahawa persekitaran sosiobudaya dan pembangunan ekonomi yang melatari perjuangan kebahasaan kebangsaan masa kini sungguh mencabar dan amat kompleks. Kita bukan sahaja berdepan dengan persekitaran sosioekonomi yang 'tidak mesra bahasa Melayu', tetapi juga prasarana atau media sosial yang sudah kurang mengutamakan penggunaan bahasa yang baik dan betul, atau bahasa yang kaya dengan nilai serta adab budinya. Malah beberapa pandangan serta pendirian ahli-ahli politik turut menghantar mesej bahawa kelangsungan ekonomi dan survival generasi muda Sarawak serta kemampuan mereka untuk bersaing di peringkat global ditentukan oleh aras penguasaan bahasa Inggeris, dan tidak disandarkan pada bahasa Melayu. Kesemua ini secara langsung dan tidak turut memberi impak negatif terhadap usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan wahana utama dalam membangunkan negeri ini.

Dilihat dalam konteks ini, usaha mengupaya dan memperkasakan bahasa melayu di Sarawak berdepan dengan beberapa cabaran dalaman yang wajar ditangani dengan penuh bijaksana dan berstrategi. Antaranya adalah:

a. Usaha meluaskan khalayak pengguna bahasa kebangsaan yang bermutu tinggi dalam kalangan pejawat awam dan generasai muda;
b. Usaha melahir dan membentuk ilmuan yang berwibawa dan karyawan yang berketrampilan untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi dalam bahasa Melayu;
c. Usaha melahirkan karya-karya bermutu yang mengguna dan menggambarkan kekayaan budaya, sejarah, kekuatan intelek dan kearifan setempat; dan
d. Usaha mengantarabangsakan kearifan setempat dan menampilkannya kepada khalayak dunia melalui kerja-kerja penyelidikan dan terjemahan yang berkualiti.

Cabaran yang saya senaraikan ini merupakan cabaran yang benar dan pasti dan perlu ditangani melalui perancangan, pelaksanaan dan penilaian berterusan di semua peringkat agensi yang bertanggungjawab secara langsung dalam usaha pembinaan, pembangunan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perhubungan. Agenda memartabat serta memperkasakan bahasa kebangsaan hendaklah dilihat sebagai usaha bersama. Justeru, pembinaan jaringan dan rangkaian yang saling melengkapi antara angensi-agensi yang berwajib dengan pihak-pihak pengguna yang berkepentingan hendaklah diperkukuhkan dan dimantapkan lagi. Ruang dan peluang kerjasama baru juga perlu dikenalpasati dan diwujudkan dalam suasana kerja yang saling menguntungkan semua pihak, terutama sekali pihak Kerajaan dan swasta, dan pihak pentadbiran dan industri, sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa.

5. PENUTUP

Sebagai penutup, izinkan saya nyatakan sekali lagi bahawa negara kita telah menyediakan bahasa Melayu satu kedudukan yang bermartabat – berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Persekitaran sosiobudaya dan ekonomi masa kini dan akan datang yang mencorak pemikiran serta persepsi masyarakat ramai tentang kerelevanan bahasa Melayu dalam pembangunan serta pertumbuhan ekonomi hendaklah juga diberi perhatian sewajarnya. Saya percaya permasalahan ini akan terus dikupas, dan kemampuan bahasa Melayu untuk memainkan peranannya secara berkesan berbanding bahasa-bahasa dunia lain dalam menghadapi serta menangani cabaran baru era globalisasi, akan terus dan dibincang.

Sehubungan ini, dalam pembentukan, pembinaan dan pembangunan negara dan bangsa maju melalui bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, saya berpendirian bahawa tanggungjawab kita bersama adalah untuk memastikan kita benar-benar menguasai dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik dalam semua keadaan; membina rasa kecintaan serta rasa kebertanggungjawaban bersama untuk menjaga pelihara dan membangunkannya mengikut keupayaan dan kesediaan masing-masing; dan menggunakannya untuk menjana dan mengembangkan ilmu bagi kesejahteraan dan kelangsungan hidup manusia sejagat.

Akhir kata, hayati dan selamilah ruh dan semangat yang ingin disampaikan oleh sajak '**Bahtera Bahasaku di Samudera Ilmu**' (Adi Badiozaman Tuah: 12.10.2007),

Bagaikan akan menyusuri sungai panjang berliku
melewati padang kerikil di pergunungan
air terjun dan jeram ghairah memembelah air gundahnya
anak sungai melepaskan lelahnya di tanah datar
berteduh di setiap tanjung dan teluk resah
aku diajar membina perahu bahasa
menyusun aksara menjadi kata
mengukir abjad pada setiap pengayuhnya
agar dapat kudayungkan perahu bahasaku itu
ke setiap perkampungan gurindam dan seloka
agar dapat kumuatkan ke dalam sampan bahasaku itu
kuntuman pengalaman kiasan dan bidalan
agar dapat kupunggah di setiap titian persahabatan
benih-benih kemahiran berguru secara beradab
biar nanti bila sampai di pelabuhan dewasa
aku menjadi insan yang pandai dan bijaksana
berhemah dan berbudi mulia

Bagaikan akan mengharungi muara tengkujuh
tempat bertemu air sungai kelabu dengan laut biru
ombak gelora dengan riak kecil sungai lara
menghempas dan memulas setiap gerak sumbang
badai membantai pantai ketelanjuran kata

tofan melanda tembok kesilapan bicara
aku dididik membina kapal layar bahasa yang lebih perkasa
bertiangkan rasa yakin diri yang tinggi
berlayarkan harga dan nilai diri yang terpuji
berbantukan angin mimpi dan harapan yang suci
agar teguh dan kukuh menghadapi segala
rintangan akal atau halangan bicara
agar berani bersuara berhujah dan berdebat
tentang jiwa dan ketamadunan bangsa yang berdaulat

Bagaikan akan berterusan meredah gelora jiwa merdeka
mencari makna damai di setiap pelabuhan bangsa dunia
bagaikan akan berterusan meneroka samudera luas kemanusiaan
mencari makna kebebasan berfikir dan kelantangan bersuara
mentafsir makna perjuangan dan pengorbanan berbudaya
merungkai makna kegigihan dan kecekalan mengangkat maruah bangsa
menghayati makna kata-kata dalam slogan ***bahasa jiwa bangsa***
aku dididik dan dibentuk untuk menjadi pembina bahtera bahasa
aku diasuh dan dibimbing untuk menjadi kelasinya
aku dibekalkan ilmu dan dibudayakan dengan kemahiran
untuk menjadi nahkoda bahtera bahasa itu
agar tekun meneroka samudera ilmu
agar berani mengharungi gelora dan badai akal minda dunia

Demikianlah dalam pelayaran bahtera bahasaku
perjuangan suci memaknakan nilai dan harga diri
bangsa yang berdaulat, merdeka dan bertamadun tinggi
angin sanubari dan minda berani adalah teman sejati setiap musim
ombak impian dan harapan suci adalah sahabat setia sepanjang masa
kawan tidak akan dijadikan lawan
lawan akan dimenangi untuk menjadi teman
pelabuhan bukan tempat singgahan kekal
tempat berteduh bukan perhentian abadi
kembara meneroka samudera ilmu dengan bahtera bahasaku

memang pasti dan sudah tentu tidak akan berakhir di sini.